

Sambutan Rumah Terbuka Aidilfitri Program Asasi



Rumah terbuka Aidilfitri PPST bersama Ahli Jawatankuasa Pentadbiran, kakitangan serta pelajar PPST

Program Asasi Sains, PPST telah mengadakan sambutan Rumah Terbuka Aidilfitri pada 25 September 2010. Majlis ini telah diadakan di BT 2 dan BT 3 dan telah dirasmikan oleh Dekan SST, Prof. Dr. Mohd Harun Abdullah. Dalam ucapan perasmianya beliau menggalakkan majlis seperti ini diadakan bagi mengeratkan hubungan antara pelajar dan pensyarah serta staf yang lain. Turut hadir di majlis ini adalah

Pengarah PPST, Dr. Sazmal Effendi bin Arshad, pensyarah-pensyarah program asasi dan staf-staf sokongan serta pelajar Asasi Sains. Majlis ini telah diserikan dengan persembahan sketsa lakonan daripada pelajar asasi. Majlis diakhiri dengan jamuan makan tengah hari seperti rendang, ketupat, sate dan pelbagai juadah aidilfitri.

Artikel oleh: Rubena Yusoff